



Rumput Napier

Ayah Kok Bun termenung apabila melihat tanahnya yang terbiar di hujung kampung. Beliau ingin mengusahakan tanah tersebut.

Idea utama

Idea sampingan

Kok Bun telah memberikan idea kepada ayahnya. Idea itu amat bernas sekali. Bapa Kok Bun bersetuju.

Mereka menanam rumput Napier. Rumput ini amat sesuai untuk ternakan seperti kambing, lembu dan ayam belanda. Rumput Napier digemari ternakan kerana mengandungi air yang banyak dan teksturnya lembut. Rumput ini mendapat permintaan yang tinggi.

Rumput Napier cepat membesar dan berprotein tinggi. Rumput ini boleh dituai selepas 30 hari ditanam. Keluarga Kok Bun menjual rumput ini kepada pelanggan. Mereka berjaya untuk menjual sebanyak 1000 kilogram batang dan 3000 kilogram daun rumput Napier setiap bulan. Pendapatan mereka mencecah sehingga RM2300.00 sebulan.

Ayah Kok Bun telah mengajak penduduk kampung lain mengusahakan tanaman rumput Napier. Mereka bekerjasama. Kini, tiada lagi tanah terbiar di kampung tersebut.

